



**KAJIAN TENTANG MASALAH PENINGKATAN KADAR  
MIGRASI MASYARAKAT ORANG ULU DI KUCHING**

**OLEH:**

**COSMAS NGAU**

**VINCENT ANAK LIGGING**

**AKUL TI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KOTA SAMARAHAN**

**MAC 2002**

## **ISI KANDUNGAN**

	<b>Muka surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar belakang	1
1.2 Penyataan masalah	4
1.3 Objektif kajian	5
1.4 Skop kajian	6
1.5 Hypothesis	7
1.6 Andaian-andaian kajian	8
1.7 Kepentingan kajian	9
1.8 Sorotan Literature	10
1.9 Methodologi kajian	13
1.10 Batasan kajian	15
1.11 Cadangan kajian	16
1.12 Rangka susunan bab	18
<b>BAB 2 LATAR BELAKANG</b>	
2.0 Sejarah masyarakat Orang Ulu	20
2.1 Kawasan penempatan Orang Ulu di Sarawak	21
<b>BAB 3 DATA ANALISIS</b>	
3.0 Pengenalan	23
3.1 Latarbelakang responden	23
3.2 Jumlah migrasi Orang Ulu di Kuching mengikut etnik	26
3.3 Jumlah migrasi mengikut daerah	29
3.4 Peningkatan jumlah migrasi masyarakat Orang Ulu setiap tahun	30

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada encik Nicholas Amin, pensyarah PAD 340 (Thesis) UiTM, kerana memberi peluang kepada kami dalam menjalankan kajian dan diatas segala bantuan beliau. Begitu juga kepada pihak Persatuan Orang Ulu (OUNA) Kuching diatas segala jasa baik dan kerjasama yang diberikan semasa kami menjalankan kajian kami mengumpul segala maklumat yang kami perlukan untuk menjayakan Thesis ini.

Selain dari itu, terima kasih juga diberikan kepada Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak diatas kerjasama yang diberikan dan diatas kepercayaan mereka kepada kami untuk mendapatkan data-data yang amat kami perlukan. Bukan itu saja, terima kasih juga kepada Amai Steward, ketua masyarakat Orang Ulu di Kuching diatas kesudiannya ditemuramah dan keinginannya untuk berkongsikan kajian ini. Begitu juga kepada Jefferey Jalong, Presiden Belia OUNA diatas segala bantuan beliau dalam menjayakan kajian ini.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Kevin Daud, Selly Apoi, dan yang lain-lain yang sudi memberikan pandangan serta memberi pandapat dalam menjayakan kajian ini. Selain dari itu, terima kasih juga kepada semua responden-responden yang sudi memberikan segala maklumat yang kami perlukan dan kami mendoakan agar budi baik semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung akan mendapat balasan yang lebih baik daripadaNya.

## **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan satu kajian yang dijalankan bagi mengkaji jumlah migrasi yang melibatkan masyarakat Orang Ulu ke kawasan Kuching ini. Kajian ini juga bagi mencari faktor utama yang mendorong kepada wujudnya masalah ini dan menyebabkan beberapa kesan terhadap masyarakat ini sendiri sama ada di kawasan penempatan asal mahupun di kawasan Kuching ini sendiri.

Selain dari itu, kami juga banyak mengetahui akan jenis etnik masyarakat ini yang terlibat dalam masalah tersebut. Ini merupakan satu masalah yang melibatkan semua daerah penempatan asal masyarakat tersebut dan migrasi ini bukannya hanya wujud di kawasan Kuching sahaja malah turut berlaku di Bandar lain di Sarawak seperti di Sibu, Bintulu, Limbang dan Miri.

Namun yang demikian, adalah sukar untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana ianya merupakan satu lumrah hidup yang perlu setiap masyarakat lalui memandangkan pada zaman ini sememangnya penuh dengan pembangunan. Maka sebab keselesaan hidup, kamajuan, kesedaran dan semangat daya saing yang wujud membawa masyarakat ini keluar dan mencari apa yang mereka inginkan.

Oleh itulah kajian ini merupakan satu kajian yang boleh membawa kepada satu gambaran mengapa masyarakat ini mula berhijrah ke kawasan bandar meninggalkan kawasan pedalaman mereka yang masih memerlukan mereka.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latarbelakang**

Masyarakat Orang Ulu merupakan salah satu daripada kaum yang terdapat di Sarawak. Ia merupakan satu kaum yang unik yang mana masyarakat ini kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman seperti di kawasan Baram, Balui, Bario dan Limbang. Aktiviti utama masyarakat Orang Ulu adalah bertani, kedudukan geografi yang sesuai untuk bertani menggalakan aktiviti tersebut. Namun aktiviti bertani ini bukan untuk komersial tetapi hanya untuk menyara kehidupan sehari-hari mereka.

Masyarakat Orang Ulu adalah masyarakat yang mempunyai jumlah seramai 117,990 daripada jumlah rakyat Malaysia amnya dan rakyat Sarawak khasnya. Namun di Kuching sahaja terdapat seramai 3,301 orang masyarakat Orang Ulu<sup>1</sup>. Ini merupakan satu jumlah yang agak kecil namun mempunyai kira-kira 13 etnik kaum seperti Kayan, Kenyah, Lun bawang, Kelabit, Penan dan sebagainya. Masyarakat ini juga terkenal dengan adat dan budayanya yang tersendiri berbanding masyarakat lain di Sarawak.

Namun dalam era pembangaunan dan global kini, masyarakat Orang Ulu masih ketinggalan jauh berbanding dengan masyarakat lain. Ini mungkin disebabkan faktor geografi yang terlalu sukar untuk menyampaikan kemajuan ataupun pembangunan. Cara kehidupan masyarakat ini di kampung masih ketinggalan yang mana kebanyakannya

---

<sup>1</sup>Taburan Penduduk Dan Ciri-Ciri Asas Demografi Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2000.